

NO. PENDAFTARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

PERJANJIAN PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN LEPAS IJAZAH (PDPLI)
MOD KURSUS DALAM CUTI (KDC)

PERJANJIAN ini dibuat pada haribulan

Tahun **ANTARA**(nama pelajar).....
(Huruf Besar)

(No. K.P) beralamat di

dan yang dilahirkan pada(kemudian daripada ini dipanggil 'PELAJAR') sebagai
pihak yang pertama DENGAN Kerajaan Malaysia (kemudian daripada ini dipanggil 'KERAJAAN')**sebagai pihak yang kedua**, DAN (Nama Penjamin Pertama).....
(Huruf Besar)

No. K.P. yang beralamat di

DAN(Nama Penjamin Kedua).....
(Huruf Besar)

No. K.P. beralamat di

(kemudian daripada ini dipanggil 'PENJAMIN-PENJAMIN') sebagai **pihak yang ketiga** adalah
 MENYAKSIKAN seperti berikut:

BAHAWASANYA Kerajaan telah bersetuju mengadakan suatu Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah yang akan membawa kepada penganugerahan '**Diploma Pendidikan**' (kemudian daripada ini dipanggil 'PROGRAM') bagi **PELAJAR** ini dan **PELAJAR** ini telah bersetuju mengikuti program ini sehingga tamat dan kemudian daripada berkhidmat dengan Kerajaan atau jika diminta oleh Kerajaan, berkhidmat dengan mana-mana orang atau kumpulan orang yang menjalankan pengurusan atau pengelolaan sekolah-sekolah yang dibantu oleh Kerajaan, sebagaimana yang diarah atau diluluskan oleh Kerajaan DAN BAHAWASANYA penjamin-penjamin ini telah bersetuju menjamin penyempurnaan kewajipan- kewajipan pelajar ini.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN

1. PELAJAR dengan kelulusan dan persetujuan PENJAMIN-PENJAMINNYA dengan ini bersetuju:

- (a) akan memulai dan dengan sesungguhnya meneruskan kursus perguruan dan menduduki semua ujian dan peperiksaan yang disyaratkan dalam kursusnya di mana-mana Institut Pendidikan Guru yang diluluskan oleh Kerajaan dan bahawa ia hendaklah menyempurnakan kursus tersebut dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- (b) apabila telah menyempurnakan kursusnya, jika dikehendaki oleh Kerajaan pada bila-bila masa di dalam masa dua belas bulan (12) kalender selepas tamat kursusnya, hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan selama tempoh tidak kurang daripada **DUA PULUH EMPAT BULAN (24)**

NO. PENDAFTARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Kalender daripada tarikh tamat kursusnya **DIMANA-MANA TEMPAT DALAM MALAYSIA** sebagai seorang pegawai perkhidmatan pendidikan dalam apa-apa jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan yang diperolehnya yang ia mungkin dilantik atas syarat-syarat yang digunakan pada masa bagi jawatan itu dan dengan gaji mengikut tangga gaji yang berkuatkuasa pada masa itu berhubung dengan jawatan itu, dengan syarat bahawa ia boleh diarah oleh Kerajaan supaya berkhidmat dan kemudianya ia hendaklah berkhidmat sebagai seorang pegawai perkhidmatan

pendidikan dalam perkhidmatan mana-mana orang atau kumpulan orang yang menjalankan pengurusan atau pengelolaan sekolah-sekolah yang dibantu oleh Kerajaan sebagai ganti berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, dan bagi mana-mana hal yang demikian itu, apa-apa jua sebutan dalam Perjanjian ini mengenai perkhidmatan Kerajaan hendaklah disifatkan termasuk sebutan mengenai perkhidmatan sebagai seorang pegawai pendidikan di sekolah-sekolah Seni Malaysia yang dibantu oleh Kerajaan.

2. Sebagai balasan bagi hal-hal yang tersebut di atas, maka Kerajaan dengan ini bersetuju untuk membayar yuran program ini.
3. (a) Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa jika sekiranya pada bila-bila masa dalam masa Perjanjian ini masih berkuatkuasa , salah seorang atau kedua-dua PENJAMIN itu mati atau tidak lagi bermastautin di Malaysia ataupun berada di luar Malaysia selama lebih daripada dua belas bulan (12) kalender berturut-turut ataupun menjadi bankrap atau menerima suatu perintah pentadbiran pemakan gaji, maka bagi tiap-tiap hal yang demikian itu, PELAJAR ini atau mana-mana daripada PENJAMIN yang masih ada, hendaklah mendapatkan seorang atau seseorang mengikut mana yang berkenaan untuk menggantikan PENJAMIN atau PENJAMIN-PENJAMIN yang mula-mula tersebut itu; dan tiada seorang jua boleh menggantikan mana-mana daripada PENJAMIN-PENJAMIN itu melainkan orang itu boleh diterima oleh Kerajaan dan ia bersetuju menjadi seorang PENJAMIN mengikut syarat-syarat Perjanjian ini; dan
 - (b) Jika sekiranya tiadalah seorang jua seperti yang tersebut di atas didapati dapat menggantikan PENJAMIN atau PENJAMIN-PENJAMIN yang tersebut dalam perenggan kecil (a) maka Kerajaan boleh menurut pilihannya, pada bila-bila masa, menamatkan Perjanjian ini dan kemudiannya PELAJAR ini tidaklah lagi mempunyai tuntutan-tuntutan atas apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini.
4. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa semasa dalam tempoh programnya, PELAJAR:
 - (a) hendaklah menunjukkan dan mencapai kejayaan yang memuaskan dalam programnya;
 - (b) hendaklah mematuhi apa-apa peraturan dan tatatertib yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa dalam mana-mana kegiatan Institut Pendidikan Guru tersebut yang ia dikehendaki menghadirinya atau di lain-lain tempat di bawah arahan Institut Pendidikan Guru yang kursus itu mungkin dijalankan;
 - (c) hendaklah berpakaian kemas sesuai dengan profesion perguruan dan tidak memakai pakaian yang menjolok mata atau sebarang yang menutup muka semasa menghadiri syarahan, kuliah, tutorial, latihan amali, gerak kerja kokurikulum dan sebagainya;
 - (d) tidak boleh melakukan perbuatan salah laku dalam apa cara jua pun yang pada pendapat Kerajaan mungkin menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Kerajaan Malaysia;
 - (e) tidak boleh menduduki peperiksaan selain peperiksaan yang bersabit dengan programnya atau lain-lain peperiksaan yang dipersetujui oleh Kerajaan;
 - (f) tidak boleh menerima apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan ataupun tidak, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan Kerajaan.
5. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa PELAJAR tidak boleh pada bila-bila masa dalam masa Perjanjian ini berkuatkuasa, iaitu dalam tempoh programnya dan kemudian daripadanya sehingga tamat tempoh perkhidmatannya di bawah perenggan (b) Fasal 1 Perjanjian ini:

NO. PENDAFTARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

- (a) mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan Malaysia atau Institut Pendidikan Guru;
 - (b) menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan suatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh pertubuhan, badan atau kumpulan orang iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan Malaysia atau Institut Pendidikan Guru;
 - (c) menyedia, mencetak, membahagi-bahagi atau mengedar atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dengan menyedia, mencetak, membahagi-bahagi atau mengedar apa-apa dokumen atau lain-lain bahan yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan Malaysia atau Institut Pendidikan Guru;
 - (d) membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan.
6. (a) Jika PELAJAR melakukan pelanggaran terhadap mana-mana had atau syarat dalam Fasal 4 dan 5 atau mana-mana Peruntukan Perjanjian ini, Kerajaan boleh mengikut budi bicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu, tanpa menyentuh hak-hak Kerajaan di bawah Perjanjian ini, PELAJAR tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini;
- (c) Penamatan Perjanjian ini menurut perenggan (a) ini adalah akhir dan muktamad.
7. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PELAJAR:
- (a) meninggalkan programnya sebelum sempurnanya program ini tanpa persetujuan Kerajaan; atau
 - (b) menyebabkan Perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 3 Perjanjian ini; atau
 - (c) dibuang dari Institut Pendidikan Guru ; atau
 - (d) tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Kerajaan berhenti daripada atau meninggalkan perkhidmatan Kerajaan atau apa-apa perkhidmatan lain yang telah diarahkan atau dipersetujui oleh Kerajaan di bawah perenggan (b) Fasal 1 Perjanjian ini selama dalam tempoh yang disebutkan dalam perenggan itu; atau
 - (e) dibuang kerja daripada perkhidmatan Kerajaan atau pekerjaan tersebut kerana salah laku, kecuaian atau tidak mengendahkan kewajipan-kewajipan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (b) Fasal 1 Perjanjian ini; atau
 - (f) enggan atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai berkhidmat atau terus berkhidmat dengan Kerajaan atau pekerjaan tersebut selama tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (b) Fasal 1 Perjanjian ini; atau
 - (g) pada bila-bila masa berkuatkuasanya Perjanjian ini didapati telah diterima mengikut kursus ini dengan memberi keterangan-keterangan yang salah, mengemukakan dokumen palsu, menyembunyikan hal-hal dan butir-butir keterangan atau dengan melakukan tipu daya dalam apa cara jua; atau
 - (h) telah melanggar syarat-syarat perjanjian yang menyebabkan Perjanjian ini ditamatkan oleh Kerajaan di bawah Fasal 6 Perjanjian ini;

Maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN hendaklah bersama-sama dan masing-masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serah hak mereka, membayar ganti rugi kepada Kerajaan, apabila diminta dalam tempoh enam puluh hari wang sejumlah **RM 80,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Ribu Sahaja)** atau sejumlah wang yang ditetapkan oleh Kerajaan.

NO. PENDAFTARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

8. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui walau apapun syarat yang tersebut di atas, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada sebulan kepada pelajar ini dan kemudiannya segala faedah dan tanggungan PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN di bawah Perjanjian ini adalah terhenti.
9. Adalah dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa Surat Tawaran Rujukan Nombor bertarikh hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini. Sekiranya terdapat percanggahan di antara Surat Tawaran dan Perjanjian ini, maka Perjanjian ini hendaklah terpakai.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah memahami dengan menurunkan tandatangan serta meteri mereka pada haribulan yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani

(*Tandatangan pelajar*)

oleh PELAJAR tersebut
di hadapan (*Nama Penuh Pelajar Dengan Huruf Besar*)

Nama Saksi
(*Huruf Besar*)

No. Kad Pengenalan Saksi

Pekerjaan Saksi

Alamat Tetap Saksi

.....
Tandatangan Saksi Cop Jawatan & Jabatan:

PENJAMIN PERTAMA

Ditandatangani
(*Tandatangan Penjamin Pertama*)

oleh PENJAMIN tersebut
di hadapan (*Nama Penjamin Pertama dengan Huruf Besar*)

Nama Saksi
(*Huruf Besar*)

No. Kad Pengenalan Saksi

Pekerjaan Saksi

Alamat Tetap Sksi

.....
Tandatangan Sksi Cop Jawatan & Jabatan:

NO. PENDAFTARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

PENJAMIN KEDUA

Ditandatangani
(*Tandatangan Penjamin Kedua*)

oleh PENJAMIN tersebut
di hadapan (*Nama Penjamin Kedua dengan Huruf Besar*)

Nama Saksi
(*Huruf Besar*)

No. Kad Pengenalan Saksi

Pekerjaan Saksi

Alamat Tetap Saksi

.....
Tandatangan SaksiCop Jawatan & Jabatan:

Ditandatangani bagi pihak KERAJAAN MALAYSIA oleh:

.....Cop Jawatan & Jabatan:
(*Tandatangan bagi pihak Kerajaan Malaysia*)

.....
(*Nama dengan Huruf Besar*)

di hadapan
Nama Saksi Kerajaan
(*Huruf Besar*)
No. Kad Pengenalan Saksi Kerajaan.....

Pekerjaan Saksi Kerajaan

Alamat Saksi Kerajaan

.....
Tandatangan Saksi KerajaanCop Jawatan & Jabatan: